

LAWATAN PENANDA ARAS DARI PUSAT PERBANGUNAN ALUMNI (USM) KE PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)



Pusat Perhubungan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke Pusat Perhubungan Alumni Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) di Kampus Gambang pada 22 Julai 2025. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan USM untuk memperkuuh hubungan strategik dengan rakan institusi di peringkat nasional, selaras dengan matlamat untuk memperluas jaringan kerjasama yang memberi manfaat timbal balik.

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi membolehkan kedua-dua pihak bertukar pandangan, idea, dan pengalaman berkaitan amalan terbaik dalam pengurusan alumni, di samping meninjau peluang kolaborasi baharu yang dapat menyokong agenda pembangunan alumni secara menyeluruh. Sesi perbincangan yang diadakan telah meliputi pelbagai topik penting, termasuk strategi dan sistem pengurusan data alumni yang berkesan, pelaksanaan program pembangunan alumni yang bersifat inklusif dan mampan, serta pendekatan komunikasi kreatif dan efektif bagi mengukuhkan penglibatan dan penyertaan alumni dalam pelbagai inisiatif universiti.

Pihak USM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak UMPSA atas sambutan mesra, layanan yang penuh profesionalisme, serta perkongsian maklumat yang amat bermakna sepanjang sesi lawatan ini. USM percaya bahawa jaringan kerjasama strategik yang terjalin ini akan terus diperkasa demi kelestarian peranan alumni dalam menyokong kecemerlangan, reputasi, dan daya saing institusi di peringkat nasional mahupun antarabangsa.



MAJLIS LUNCHEON ALUMNI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ZON TIMUR 2025



LUNCHEON ALUMNI USM ZON TIMUR 2025

Kami mengajak para alumni USM Zon Timur untuk menghadiri sebuah sesi santai makan tengah hari dan ramah mesra yang akan diadakan seperti berikut:

- 22 JULAI 2025 (SELASA)
- 12 TENGAH HARI - 3 PETANG
- DEWAN BAKUET UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
- SMART CASUAL

JUMPE AOKME KAT SANA WEHH! [CONNECT WITH US](#)

Majlis ini menghimpunkan seramai 50 orang alumni USM daripada pelbagai latar belakang kerjaya seperti pensyarah, penjawat awam, jurutera dan pengamal industri. Majlis santai ini menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim, memperkasa jaringan dan menyemai semula semangat kecintaan terhadap alma mater.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berusaha, Encik Ahmad Wafi Sahedan, Penyelaras Pusat Pembangunan Alumni USM, yang menyampaikan ucapan aluan mewakili pihak USM. Beliau menzahirkan penghargaan kepada semua alumni atas kehadiran dan komitmen berterusan dalam menyokong pembangunan universiti.

Majlis ini turut disokong oleh kehadiran Yang Berusaha, Ts. Dr. Azri Alias, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UMPSA, yang hadir sebagai tetamu jemputan bagi menunjukkan komitmen antara institusi dalam memperkuuh jaringan alumni nasional.

Selain itu, sesi perkongsian turut diadakan oleh Encik Muhamad Amirul Haizad Mohd Zaini, Ketua Unit Peneraju Inovasi Sosial dan Pemindahan Ilmu, yang memperkenalkan beberapa inisiatif komuniti yang sedang dilaksanakan oleh USM. Perkongsian ini memberi pendedahan kepada alumni tentang peluang untuk turut menyumbang dalam agenda pembangunan masyarakat melalui kerjasama bersama universiti.

Sebagai sebuah Universiti APEX, USM komited untuk terus mengukuhkan keterlibatan alumni dalam menyokong agenda pendidikan dan komuniti secara lestari, selari dengan nilai Malaysia MADANI dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 17 – Perkongsian untuk Matlamat.



LAWATAN PUSAT PEMBANGUNAN ALUMNI USM KE PUSAT PEMGEMBANGAN TENUN PAHANG DIRAJA, KAMPUNG SOI



Pusat Pembangunan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan kunjungan hormat dalam bentuk sesi makan malam bersama YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, Pengurus Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Pahang yang juga merupakan alumni USM, serta lawatan ke Pusat Pengembangan Tenun Pahang Diraja di Kampung Soi, Kuantan pada 23 Julai 2025. Pertemuan bersama YB Tuan Fadzli berlangsung dalam suasana santai dan penuh makna, di mana delegasi USM berpeluang bertukar pandangan berkenaan peranan strategik alumni dalam membina jaringan kepimpinan, menyumbang kepada pembangunan belia dan masyarakat, serta membincangkan peluang kolaborasi masa hadapan. YB Tuan Fadzli turut berkongsi perjalanan beliau sebagai graduan USM, penglibatannya dalam bidang dasar awam dan pembangunan belia, di samping menzhahirkan sokongan terhadap usaha Pusat Pembangunan Alumni dalam memperkuuh hubungan institusi dengan para alumni.

Dalam kunjungan ke Pusat Pengembangan Tenun Pahang Diraja, delegasi USM disambut mesra oleh Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani, Ketua Pegawai Operasi PKNP Tenun Pahang Soi Sdn. Bhd. yang juga merupakan alumni USM. Beliau berkongsi secara terperinci mengenai proses penghasilan Tenun Pahang Diraja yang memerlukan ketelitian dan kemahiran tinggi, serta memperkenalkan koleksi eksklusif yang dihasilkan khas untuk Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan kerabat diraja, menampilkan rekaan bermutu tinggi sarat nilai estetika dan warisan budaya. Lawatan ini bukan sahaja memperkuuh hubungan dengan alumni, malah membuka peluang kerjasama baharu dalam memartabatkan hasil seni tempatan melalui jaringan alumni yang aktif dalam pelbagai bidang profesional. USM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian kedua-dua alumni menerima kunjungan ini dan berharap sinergi yang terjalin akan terus diperkasa demi manfaat bersama.

KUNJUNGAN HORMAT DAN SESI MAKAN MALAM BERSAMA ALUMNI USM, YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL





KUNJUNGAN HORMAT DAN PEMBENTANGAN PROGRAM USM DI PAHANG KEPADA YAB MENTERI BESAR PAHANG, ALUMNI USM



BIODATA YAB MENTERI BESAR PAHANG,

Nama Penuh: **YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail**

Tahun Konvo USM: **1995**

Pendidikan di USM: **Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan**

Pusat Pengajian di USM: **Pusat Pengajian Jarak Jauh**

Pusat Pembangunan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) telah berbesar hati mengadakan kunjungan hormat dan sesi pembentangan program USM di Negeri Pahang kepada YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang merangkap alumni USM. Kunjungan ini bertujuan untuk mempersempitkan inisiatif serta hala tuju strategik program-program melibatkan USM di Pahang, khususnya yang memberi manfaat kepada komuniti, pembangunan modal insan dan pengukuhan jaringan alumni. Delegasi USM telah diketuai oleh barisan pengurusan kanan Pusat Pembangunan Alumni USM serta pegawai-pegawai terlibat dalam pelaksanaan program komuniti dan alumni di negeri ini.

Dalam sesi yang penuh muhibah dan konstruktif ini, YAB Menteri Besar menzahirkan rasa bangga terhadap pencapaian USM sebagai institusi terkemuka negara serta menyambut baik usaha-usaha murni yang dirancang. Beliau turut berkongsi pandangan dan aspirasi beliau sebagai alumni dalam memperkuuh peranan universiti dalam pembangunan negeri, terutamanya melalui penglibatan aktif alumni dalam pelbagai sektor.

USM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy atas kesudian menerima kunjungan hormat ini serta atas sokongan beliau terhadap inisiatif yang dijalankan. Semoga hubungan strategik ini terus diperkuuh demi kemajuan universiti, negeri dan negara secara keseluruhannya.



Alumni

Bulletin

Alumni

News

Website

SocMed

Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha